


Dalam edisi surat berita ROSA kali ini, kami menyediakan kemas kini simposium perdana kita, membentangkan beberapa penemuan utama tentang situasi COVID-19 di Singapura yang diperoleh dalam bulan November 2021, dan memperkenalkan dua orang lagi ahli penting pasukan ROSA!

Sorotan ROSA



Dari Kiri ke Kanan: Profesor Lily Kong, Profesor Paulin Straughan, Dr Tan See Leng, Encik Chia Mia Chiang dan Encik James Teo

Pada 30 November 2021, ROSA telah mengadakan Simposium Tahunan perdana berkenaan Penuaan Berjaya dengan tema "Permulaan Baharu: Mengekalkan Kesejahteraan Kehidupan Warga Emas dalam Fasa Endemik". Majlis ini dihadiri oleh beberapa tetamu terhormat, antaranya ialah Menteri Tenaga Manusia Dr Tan See Leng; Presiden Universiti Pengurusan Singapura, Profesor Lily Kong; Rektor Technische Universität Dresden, Profesor Ursula Staudinger, dan wakil daripada The Ngee Ann Kongsi. Bersama-sama pegawai kanan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC), Persekutuan Majikan Kebangsaan Singapura (SNEF), Khidmat Komuniti TOUCH, Pusat Sukarelawan dan Dermawan Kebangsaan (NVPC), Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC), dan para penyelidik ROSA, para pembentang membincangkan secara terperinci topik-topik berkenaan keutuhan ekonomi, kesejahteraan mental, dan perhubungan sosial di kalangan warga emas dalam fasa endemik, menerusi tiga perbincangan panel.

Secara keseluruhan, simposium ini merupakan satu kejayaan besar dan telah dihadiri oleh lebih daripada 160 orang peserta daripada lebih daripada 32 organisasi yang berbeza. Kami juga gembira melihat sebahagian responden SLP dapat turut menghadiri simposium ini secara maya dan kami harap anda mendapat manfaat daripada perbincangan tersebut. Siri simposium ini akan diadakan setiap tahun, oleh itu kami berharap lebih ramai yang akan dapat hadir pada tahun ini!



Anda boleh dapatkan ringkasan penuh perbincangan penting yang diadakan dalam simposium ini di laman sesawang kami dengan mengimbas kod QR.

Kakitangan Contoh ROSA




Rachel menyertai ROSA sebagai Pembantu Penyelidik pada Ogos 2021. Tugasnya sekarang ialah membantu kajian translasi pusat serta menjalankan tugas sokongan untuk pentadbiran. Tugasnya di ROSA sangat bermakna kerana beliau percaya penyelidikan tersebut berpotensi menghasilkan wawasan yang dapat dilaksanakan untuk membuat perubahan positif, terutamanya untuk kumpulan rentan dalam masyarakat seperti warga emas. Pada masa lapang, Rachel suka berlari dan bermain kasut roda. Beliau juga menggemari kegiatan seni dan muzik, dan ini dapat mengekalkannya terus aktif dan kreatif.



Yan Er ialah seorang Pembantu Penyelidik yang menyertai pasukan ROSA pada Julai 2021. Tugas utama beliau ialah membantu pentadbiran pusat dan kerja-kerja pengendalian. Beliau gembira dapat memberi khidmat sokongan kepada penyelidikan ROSA tentang penuaan berjaya dan teruja untuk melihat kesan positif penyelidikan ini ke atas kehidupan warga emas di Singapura sekarang dan pada masa akan datang. Di waktu lapang, Yan Er gemar menghabiskan masa melukis dan membina kecergasan dengan mengikuti video senaman.

Sorotan Kajian

Dalam bulan November 2021, kami telah bertanya tentang kerelaan anda untuk mendapatkan suntikan penggalak vaksin COVID-19. Angka di bawah menunjukkan kadar responden SLP yang telah mendapat suntikan penggalak, yang merancang tetapi belum mendapatkan suntikan penggalak, dan yang tidak merancang untuk mendapatkan suntikan penggalak.



Rajah 1: Taburan kerelaan mendapatkan suntikan penggalak dalam bulan November 2021

Kami gembira mendapati hampir semua responden yang telah divaksin telah sama ada mendapat suntikan penggalak (61.6%) atau merancang untuk mendapatkan suntikan penggalak (35.5%), dan hanya sebahagian kecil responden (2.9%) tidak mahu mengambil suntikan penggalak.

Responden yang tidak mahu mendapat suntikan penggalak seterusnya ditanya sebab mereka enggan mendapatkan suntikan penggalak. Tiga alasan yang paling banyak dinyatakan ialah mereka bimbang akan kesan sampingan negatif suntikan penggalak (60.1%), tidak terdapat cukup bukti saintifik tentang keselamatan dan keberkesanan suntikan penggalak ketiga (45.8%) dan mereka tidak percaya akan keberkesanan suntikan penggalak (38.9%).



Rajah 2: Alasan yang dilaporkan untuk tidak mahu menerima suntikan penggalak

Secara keseluruhan, keputusan untuk tidak menerima suntikan penggalak nampaknya didorong terutamanya oleh kurang kepercayaan kepada keberkesanan dan keselamatan suntikan penggalak. Kami faham akan kegusaran berkenaan vaksin dan suntikan penggalak, oleh itu kami galakkan mereka yang mempunyai sebarang keraguan agar berkunjung ke laman sesawang vaksin COVID-19 Kementerian Kesihatan (<https://www.moh.gov.sg/covid-19/vaccination>), yang mengandungi banyak maklumat yang boleh membantu kita memahami cara vaksin bertindak balas dan faktor yang menyebabkan vaksin dan suntikan penggalak selamat untuk hampir semua orang. Diharap, dengan membaca lebih banyak maklumat berkenaan vaksin daripada sumber yang dipercayai, kita boleh rasa lebih yakin untuk mengambil vaksin dan suntikan penggalak!

Tarikh Tinjauan

- **Tinjauan Februari: 1 - 22 Februari 2022**
- **Tinjauan Mac: 1 - 27 Mac 2022**
- **Tinjauan April: 1 - 25 April 2022**

Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel kepada slp@smu.edu.sg. Kami sentiasa sudi mendengar daripada anda.